# BAB VI

# RUMUSAN DAN CADANGAN

## 6.1 Pendahuluan.

Dalam bab ini penulis akan merumuskan hasil dapatan kajian yang dilakukan sepanjang kajian yang telah dijalankan. Penulis juga akan menyimpulkan beberapa faktor-faktor kelemahan penguasaan pelajar. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan penulis akan membuat beberapa cadangan yang membina kepada semua pihak yang berkaitan demi meningkatkan penguasaan pelajar terhadap morfologi bahasa Arab amnya dan dalam perbahasan imbuhan kata bahasa Arab khususnya. Penulis juga akan mengemukakan beberapa cadangan sebagai saranan kajian lanjutan demi meningkatkan lagi mutu pelajaran morfologi bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 6.2 Rumusan.

Berdasarkan kajian tersebut penulis mendapati bahawa penguasaan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) terhadap kajian imbuhan kata dan perubahan makna masih pada tahap kurang memuaskan. Banyak kelemahan terhadap imbuhan kata dan perubahan makna yang perlu diperbaiki. Beberapa faktor yang menyumbang kepada kelemahan penguasaan pelajar telah dikenalpasti dan semua pihak mesti bertindak dengan perancangan yang rapi dan teliti demi meningkatkan penguasaan pelajar terhadap imbuhan kata dan perubahan makna khususnya dan amnya terhadap morfologi

bahasa Arab. Kelemahan tersebut mestilah diambil berat oleh semua pihak kerana imbuhan kata dan makna merupakan asas dalam bahasa Arab. Tanpa penguasaan asas dengan baik akan membantutkan penguasaan pelajar terhadap pelajaran bahasa Arab dan juga menjadi penghalang dan bebanan bagi mereka menguasai ilmu bahasa Arab.

Berdasarkan disiplin kajian yang telah dijalankan, kelemahan pelajar terhadap imbuhan kata dan perubahan makna boleh dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

1. Penguasaan responden dalam menentukan pola kata kerja adalah baik melainkan golangan kata kerja yang terdiri daripada empat huruf asal. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja daripada kata kerja empat huruf asal adalah sangat lemah.
2. Penguasaan responden terhadap menentukan kata asal bagi kata kerja berimbuhan adalah sangat baik melainkan pada kata asal bagi kata kerja berimbuhan yang terdiri daripada empat huruf asal. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja berimbuhan daripada kata kerja empat huruf asal adalah sangat lemah.
3. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja berimbuhan menunjukkan sangat lemah.
4. Penguasan responden dalam menentukan golongan kata nama berimbuhan adalah di tahap sederhana.
5. Penguasaan responden dalam pembentukan kata nama berimbuhan yang bersesuaian berdasarkan konteks ayat adalah sederhana.

Secara keseluruhan penguasaan responden dinilai dengan menggunakan skala di bawah.

**Rajah 6.1: Jadual skala penguasaan pelajar.**

| **Skala** | **Peratus** |
|---|---|
| Sangat Baik | 80-100 |
| Baik | 60-79 |
| Sederhana | 50-59 |
| Lemah | 30-49 |
| Sangat Lemah | 1-29 |

**Rajah 6.2: Jadual keseluruhan penguasaan pelajar.**

| | **Bahagian** | **Peratus** |
|---|---|---|
| **1** | Mengenal pola kata kerja berimbuhan | **71** |
| **2** | Menentukan kata asal bagi kata kerja berimbuhan | **82** |
| **3** | Makna kata kerja berimbuhan | **24** |
| **4** | Mengenal golongan kata nama berimbuhan | **54** |
| **5** | Pembentukan kata nama berimbuhan | **50** |

Tahap penguasaan pelajar terhadap makna kata berimbuhan adalah sangat membimbangkan kerana makna merupakan tujuan utama yang ingin disampaikan oleh sesuatu perkataan. Kegagalan menguasai makna dengan baik bermakna kegagalan menguasai sesuatu bahasa yang dipelajari.

Walaupun secara keseluruhan penguasaan responden dalam pembentukan kata nama berimbuhan yang bersesuaian berdasarkan konteks ayat adalah sederhana. Namun jika diamati dengan teliti penguasaan responden masih lemah. Ini berdasarkan pemerhatian terperinci mendapati responden ramai yang berjaya menjawab dengan betul dalam bilangan yang tinggi pada soalan kebiasaan yang lazim sahaja.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan penulis telah mengenalpasti beberapa faktor yang menyebabkan penguasaan pelajar terhadap imbuhan kata dan perubahan makna masih pada tahap yang rendah. Antara faktor-faktor kelemahan tersebut ialah:

a. **Faktor dalaman.**

Faktor dalaman merupakan antara faktor yang menyebabkan tahap penguasaan pelajar masih lemah. Terdapat pelajar kurang motivasi dalam menguasai sesuatu konsep dan kaedah morfologi bahasa Arab yang rumit. Sebahagian pelajar mudah putus asa dan tidak cuba memperbaiki kelemahan dalam menguasai sesuatu konsep dan kaedah morfologi bahasa Arab. Kurang motivasi diri kemungkinan kerana para pelajar tidak mengetahui kepentingan bahasa Arab dari prospek kerjaya. Sikap pelajar yang kurang membuat persediaan terhadap pelajaran morfologi sebelum proses pembelajaran berlaku turut menyumbang kesukaran untuk menerima dan memahami pelajaran yang akan dipelajari.

b. **Modul**.

Faktor sukatan pelajaran dan modul pembelajaran yang disediakan memainkan peranan terhadap kecemerlangan dan kelemahan sesuatu subjek yang ditawarkan. Modul yang berkualiti akan menghasilkan pembelajaran yang efektif dan cemerlang.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan penulis mendapati modul pelajaran morfologi bahasa Arab yang ditawarkan kepada pelajar turut menyumbang kelemahan dalam penguasaan pelajar terhadap imbuhan kata dan perubahan makna khususnya dan amnya terhadap pelajaran morfologi bahasa Arab. Modul sukatan pelajaran kurang berkesan untuk dipraktikkan dalam kemahiran bahasa Arab. Sukatan juga kurang tersusun antara satu bab dengan bab yang sepatutnya dan tidak berkesinambungan hingga ke peringkat STAM. Modul sukatan pelajaran juga kurang lengkap dan tidak mendalam pada tahap yang sepatutnya. Terdapat juga tahap modul yang ditawarkan terlalu tinggi dengan tahap pelajar yang bukan penutur asal bahasa Arab.

c. **Pengajaran dan Pembelajaran.**

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu perkara yang sangat besar peranannya dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Kegagalan memanfaatkan masa dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan bermakna kehilangan peluang keemasan dalam membentuk pelajar yang cemerlang. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran beberapa instrumen penting perlu dititikberatkan, seperti: tenaga pengajar, pendekatan dan alat bantu mengajar yang digunakan.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran tenaga pengajar atau guru merupakan individu yang sangat besar peranannya. Kejayaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran

banyak dipengaruhi oleh guru yang mengendalikan kelas tersebut. Oleh sebab itu kegagalan tenaga pengajar mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik banyak menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam menguasai morfologi bahasa Arab. Tenaga pengajar yang bukan berkelulusan bidang bahasa Arab turut memberi kesan dalam kelemahan pelajar. Tenaga pengajar yang kurang pengalaman juga kadang-kadang tidak dapat mengendalikan proses pengajaran dengan baik dan gagal menghuraikan sesuatu tajuk perbincangan dengan berkesan.

Tahap penggunaan alat bantu mengajar juga kurang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran morfologi bahasa Arab. Kebiasaannya guru hanya menggunakan kaedah pengajaran yang lama iaitu membaca teks dalam buku teks yang disediakan sebagai sukatan pelajaran.

## 6.3 Cadangan.

Berdasarkan faktor-faktor kelemahan penguasaan pelajar terhadap pelajaran morfologi bahasa Arab secara umumnya dan perbahasan imbuhan kata dan perubahan makna khususnya, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Antara pihak yang perlu memainkan peranan penting untuk mengatasi kelemahan yang berlaku ialah: pelajar, ibu bapa, guru, pentadbir sekolah dan pihak berkuasa.

**a. Pelajar.**

Para pelajar mestilah menanam sikap positif dalam diri dan mengubah sikap negatif yang membelenggu mereka untuk berusaha demi menguasai pelajaran morfologi bahasa Arab dengan cemerlang.

Para pelajar juga mestilah bermotivasi tinggi dan jangan mudah putus asa jika terdapat kesukaran dalam memahami sesuatu konsep atau sesuatu kaedah morfologi bahasa Arab yang dipelajari. Para pelajar juga mestilah menanamkan sikap suka bertanya dan berbincang jika terdapat kesukaran dalam memahami sesuatu konsep atau sesuatu kaedah yang dipelajari. Sikap malu bertanya atau takut bertanya dalam pelajaran merupakan sikap yang perlu dibuang bagi seorang pelajar yang ingin berjaya dengan cemerlang.

Para pelajar mesti membuat persediaan terhadap pelajaran morfologi sebelum proses pembelajaran berlaku demi membantu proses pembelajaran yang akan berjalan. Dengan persediaan awal para pelajar akan mudah mempelajari tajuk tersebut dan boleh bertanya kepada guru jika berhadapan dengan sesuatu kesulitan dalam memahami sesuatu kaedah yang rumit.

**b. Ibu Bapa.**

Peranan ibu bapa juga diperlukan untuk membantu meningkatkan penguasaan pelajar. Para ibu bapa perlu mengawasi pembelajaran anak-anak mereka dan sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk mempelajari bahasa Arab. Para ibu bapa juga boleh memberikan hadiah atau anugerah kepada anak-anak mereka sebagai galakan untuk mereka mempelajari bahasa Arab. Para ibu bapa perlu bertanya mengenai pemelajaran

anak-anak mereka secara langsung atau secara tidak langsung seperti bertanya maksud perkataan atau ayat dalam bahasa Arab. Mungkin para ibu bapa boleh bertanya mengenai makna-makna lafaz dalam bacaan solat.

### c. Guru.

Guru merupakan individu yang sangat besar peranannya dalam membantu keberhasilan sesebuah pengajaran dan pembelajaran. Dalam rangka meningkatkan mutu pelajaran morfologi bahasa Arab para guru mestilah bermotivasi tinggi dan tidak mudah lemah semangat jika para pelajar kurang cemerlang.

Para guru juga mesti sentiasa mempertingkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dengan menghadiri bengkel, seminar dan kursus-kursus yang dianjurkan. Para guru juga harus membuat kajian atau mendapatkan penemuan kajian terbaru mengenai kemahiran pengajaran dan pembelajaran daripada ahli akademik yang mahir dan berpengalaman. Para guru juga perlu kreatif dalam menukar corak pengajaran dan pembelajaran seperti menggunakan pendekatan yang berbeza dan mampu mengaplikasikan mengikut situasi yang sesuai dengan kaedah-kaedah terbaru dan menarik agar pembelajaran menyeronokkan.

### d. Pentadbiran Sekolah.

Pihak pentadbiran sekolah juga perlu proaktif dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar. Pihak pentadbiran sekolah perlu mengadakan program-program motivasi, kem bahasa Arab dan kursus intensif untuk memberi semangat dan menarik minat para

pelajar dalam mempelajari morfologi bahasa Arab. Pihak pentadbir sekolah juga mestilah sentiasa mempertingkatkan dan memperbaharui sistem pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan kemajuan teknologi dalam pendidikan.

Pihak pentadbiran sekolah juga perlu mengadakan bengkel, seminar dan kursus-kursus kepada para guru mengenai kemahiran dalam pengajaran morfologi bahasa Arab. Pihak pentadbir sekolah juga mesti memberikan kursus-kursus yang khusus kepada para guru yang bukan berkelulusan dalam bidang bahasa Arab. Pihak pentadbir sekolah juga perlu memastikan para guru yang kurang pengalaman didedahkan dengan kemahiran dan teknik-teknik pengajaran yang sesuai. Pihak pentadbir sekolah juga perlu menyediakan bahan-bahan rujukan dan sentiasa menambah bahan-bahan rujukan dan buku-buku terbaru.

**e. Pihak Berkuasa.**

Pihak berkuasa iaitu kerajaan atau kementerian pendidikan juga mempunyai peranan penting dalam meningkatkan kecemerlangan para pelajar dan meningkatkan mutu pelajaran bahasa Arab dalam pendidikan negara. Pihak berwajib yang mengubal silibus dan menyediakan modul perlu memperkenalkan morfologi bahasa Arab dari peringkat awal dengan pendedahan yang berterusan hingga peringkat menengah. Pihak berwajib juga perlu memastikan modul yang disediakan berkesinambungan, menyeluruh, mendalam dan bersesuaian pada tahap pelajar Melayu yang merupakan bukan penutur asal bahasa Arab. Pihak berkuasa perlu memberikan peruntukan dan bantuan yang sewajarnya kepada semua pihak yang terlibat dalam pendidikan seperti para pelajar, guru, sekolah dan pengubal kokurikulum.

Pihak kerajaan juga perlu menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi kepada bakal graduan yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang bahasa Arab. Pihak kerajaan juga perlu mengiklankan peluang-peluang pekerjaan kepada bakal graduan yang menamatkan pengajian dalam bidang bahasa Arab melalui media-media perdana untuk menarik minat para pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang bahasa Arab dan miningkatkan motivasi pelajar yang sedang mengikuti pengajian dalam bahasa Arab.

## 6.4 Saranan Kajian Lanjutan.

Demi meningkatkan lagi kualiti pelajaran morfologi bahasa Arab dan meningkatkan pencapaian pelajar pada tahap yang membanggakan, ahli akademik dan para pengkaji perlu sentiasa menjalankan kajian-kajian berguna dan berkualiti untuk digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada pelajar, guru dan pihak pengubal kokurikulum.

Berdasarkan pengalaman penulis dalam menjalankan kajian ini dalam keterbatasan waktu dan bebanan tanggung jawab, penulis hanya mampu menyiapkan secebis hasil kajian mudah-mudahan bermanfaat dan dapat digunakan untuk semua khususnya para pengkaji pencinta ilmu bahasa Arab. Penulis juga ingin menyarankan kepada para pengkaji pencinta ilmu bahasa Arab untuk terus menjalankan kajian ilmiah. Antara kajian yang perlu dijalankan ialah:

1. Sejauh mana modul morfologi bahasa Arab yang sedia ada dapat membantu kemahiran bahasa Arab para pelajar.
2. Membina modul yang sesuai mempelajari morfologi bahasa Arab bagi pelajar Melayu yang merupakan bukan penutur asal bahasa Arab.

## 6.5 Penutup.

Dapatan kajian yang diperolehi telah menyingkap permasalahan sebenar yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran morfologi bahasa Arab amnya dan pengajaran dan pembelajaran terhadap imbuhan kata bahasa Arab dan perubahan makna khususnya. Dapatan kajian tersebut juga telah menyingkap pelbagai dimensi dalam perbahasan mengenai tajuk kajian yang telah dijalankan terutamanya yang berkaitan dengan aspek-aspek penting dalam kajian yang dijalankan seperti: konsep kata imbuhan dalam bahasa Arab, tujuan pengimbuhan dilakukan, kepentingan menguasai imbuhan kata bahasa Arab dan fungsi imbuhan kata bahasa Arab terhadap makna.

Dapatan kajian yang telah penulis jalankan telah mendedahkan situasi sebenar terhadap penguasaan pelajar terhadap perbahasan tersebut dan juga proses pengajaran dan pembelajaran morfologi bahasa Arab secara amnya dan perbahasan imbuhan kata khasnya yang menunjukkan kekurangan dan kelemahan yang perlu segera diperbaiki. Semoga dapatan kajian tersebut mendapat perhatian semua pihak, terutama pihak yang terlibat secara khusus dalam bidang pendidikan supaya bertindak segera berdasarkan dapatan kajian tersebut.

Penulis berharap agar kajian ini bermanfaat dan berkualiti supaya dapat dijadikan pedoman untuk memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran morfologi bahasa Arab dan perbahasan imbuhan kata khasnya. Penulis juga berharap agar segala kelemahan dan kekurangan dapat segera diatasi demi menjamin kecemerlangan para pelajar dan mempertingkatkan mutu pelajaran bahasa Arab di Malaysia dan juga mengharumkan nama negara sebagai pusat pengajian bahasa Arab yang terkenal di mata dunia.